



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 9/2023**

**Landskap ekonomi Malaysia pada Julai dan Ogos 2023 menunjukkan
pertumbuhan kekal sederhana dalam tempoh terdekat**

PUTRAJAYA, 27 September 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 9/2023**. Edisi kali ini memfokuskan statistik terkini yang diterbitkan pada Julai 2023 dan beberapa statistik akan datang bagi bulan Ogos 2023. Edisi kali ini juga memuatkan artikel bertajuk “Kajian Pekerja Gig dalam Perkhidmatan Penghantaran Makanan dan Barangan yang Bekerja Sendiri” yang memaparkan profil asas pekerja gig dalam perkhidmatan penghantaran makanan dan barangan yang bekerja sendiri dan mengenalpasti isu-isu berhubung perundangan buruh, perhubungan perusahaan dan perlindungan sosial yang melibatkan perkhidmatan ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Menilai situasi ekonomi negara pada Julai 2023, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia memulih kepada 0.7 peratus pada Julai 2023 daripada negatif 2.2 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan marginal pada Julai 2023 disokong oleh pertumbuhan dalam sektor Perlombongan (4.2%) dan sektor Elektrik (1.5%). Sementara itu, sektor Pembuatan kekal pada pertumbuhan negatif, walaupun pada kadar yang lebih rendah iaitu 0.2 peratus. Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia berjumlah RM144.0 bilion pada Julai 2023, merosot untuk bulan kedua berturut-turut iaitu menurun kepada negatif 3.0 peratus tahun ke tahun daripada negatif 4.0 peratus pada bulan sebelumnya dipengaruhi terutamanya oleh penurunan berterusan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik yang mencapai negatif 15.3 peratus pada bulan tersebut. Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 72.1 peratus daripada jumlah jualan terus merosot 7.0 peratus pada Julai 2023 (Jun 2023: -7.4%). Walau bagaimanapun, prestasi industri berorientasikan domestik kekal menggalakkan, mencapai 9.2 peratus pada Julai 2023 berbanding 6.8 peratus pada Jun 2023, mengurangkan impak kemerosotan dalam industri berorientasikan eksport."

Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan nilai jualan bulanan sebanyak RM139.8 bilion, berkembang 7.2 peratus tahun ke tahun pada Julai 2023. Peningkatan

tersebut disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong, yang meningkat 5.7 peratus (+RM3.4 bilion) untuk mencatatkan RM63.1 bilion. Ini diikuti oleh Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan 5.5 peratus (+RM3.1 bilion) dan 20.5 peratus (+RM2.9 bilion).

Melihat pada perspektif harga, kadar inflasi Malaysia menyederhana kepada 2.0 peratus pada Julai 2023 iaitu kadar terendah bagi tahun ini. Kenaikan inflasi yang lebih perlahan ini dipengaruhi terutamanya oleh peningkatan sederhana bagi kumpulan Restoran & Hotel (5.0%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.4%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.9%). Inflasi Malaysia kekal tidak berubah pada 2.0 peratus bagi Ogos 2023. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia merosot 2.3 peratus pada Julai 2023 berbanding negatif 4.8 peratus pada Jun 2023. Pada Ogos 2023, IHPR menurun 1.8 peratus.

Dari segi perdagangan, jumlah dagangan barangan Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan negatif secara tahunan. Jumlah dagangan pada Julai 2023 merosot 14.4 peratus daripada RM252.8 bilion pada bulan yang sama tahun lalu kepada RM216.4 bilion. Eksport menyusut 13.1 peratus kepada RM116.8 bilion, manakala import menguncup 15.9 peratus kepada RM99.7 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan meningkat 7.9 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM17.1 bilion. Pada Ogos 2023, jumlah dagangan Malaysia mencatatkan nilai RM213.0 bilion, dengan penguncupan 19.8 peratus atau RM52.7 bilion. Eksport dan import mencatatkan pertumbuhan negatif dua digit, masing-masing 18.6 peratus dan 21.2 peratus tahun ke tahun. Sebaliknya, lebihan dagangan meningkat marginal 0.1 peratus untuk mencatatkan nilai RM17.3 bilion.

Mengulas mengenai situasi tenaga buruh semasa, beliau berkata, "Situasi pasaran buruh terus meningkat bagi bilangan penduduk bekerja kepada pertumbuhan 0.2 peratus pada Julai 2023. Di samping itu, terdapat pertambahan 27.2 ribu orang penduduk bekerja dengan jumlah 16.34 juta orang (Jun 2023: 16.31 juta). Berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, bilangan penduduk bekerja meningkat 2.2 peratus, bersamaan dengan 356.6 ribu orang (Julai 2022: 15.98 juta). Nisbah guna tenaga kepada penduduk merupakan petunjuk kepada keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan. Pada Julai 2023, nisbah ini mencatatkan peningkatan 0.1 peratus daripada 67.6 peratus pada Jun 2023 kepada 67.7 peratus. Berbanding dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya, nisbah ini menokok 0.7 mata peratus daripada 67.0 peratus yang dicatatkan pada bulan Julai 2022. Pada asas tahunan, bilangan individu yang menganggur berkurang 6.7 peratus atau 41.5 ribu orang pada Julai 2023. Begitu juga, kadar pengangguran pada bulan ini turun sebanyak 0.3 mata peratus kepada 3.4 peratus."

Mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks Pelopor (IP) bagi Julai 2023 mencatatkan negatif yang lebih baik 0.9 peratus mencapai 109.0 mata berbanding negatif 2.1 peratus pada Jun 2023. Dari segi prestasi bulanan,

IP mencatatkan negatif 0.7 peratus pada bulan rujukan berbanding negatif 0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Kadar pertumbuhan IP masih kekal di bawah trend 100.0 mata pada bulan Julai 2023, mencerminkan prestasi ekonomi Malaysia terus menyederhana dalam jangka masa terdekat dipengaruhi oleh prospek global yang mencabar.”

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 9/2023**

***Malaysia's Economic Landscape in July and August 2023 to remain moderate
in the near term***

PUTRAJAYA, 27th September 2023 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 9/2023**. This edition focuses on the recent statistics released in July 2023 and some forthcoming statistics for August 2023. This edition also features an article titled “The Study on Self-Employed Gig Workers in Food And Goods Delivery Services” which looks into basic profiles of self-employed gig workers in food and goods delivery services and outlines issues relating to labour law, corporate relations and social protection involving these services.

Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Observing the country's economic situation in July 2023, Malaysia's Industrial Production Index (IPI) rebounded to 0.7 per cent in July 2023, from a negative 2.2 per cent in the previous month. The marginal increase in July 2023 was supported by the growth in Mining sector (4.2%) and the Electricity sector (1.5%). Meanwhile, the Manufacturing sector remained negative, although at a lower rate of 0.2 per cent. The value of manufacturing sales in Malaysia totalled RM144.0 billion in July 2023, down for a second consecutive month, decreasing to negative 3.0 per cent year-on-year from negative 4.0 per cent in the preceding month primarily influenced by the continuous decline in Petroleum, chemical, rubber & plastic sub-sector, reaching to negative 15.3 per cent during the month. The sales value of export-oriented industries which represented 72.1 per cent of total sales continued to decline by 7.0 per cent in July 2023 (June 2023: -7.4%). Nonetheless, the performance of domestic-oriented industries remained vigorous, reaching 9.2 per cent in July 2023 as compared to 6.8 per cent in June 2023, mitigating the impact of the deterioration in the export-oriented industries.”

Malaysia’s Wholesale & Retail Trade recorded a monthly sales value of RM139.8 billion, grew 7.2 per cent year-on-year in July 2023. The increase was attributed to the Wholesale Trade sub-sector, which increased by 5.7 per cent (+RM3.4 billion) to register

RM63.1 billion. This was followed by Retail Trade and Motor Vehicles that recorded an increase of 5.5 per cent (+RM3.1 billion) and 20.5 per cent (+RM2.9 billion), respectively.

Looking at the prices perspective, Malaysia's inflation rate moderated to 2.0 per cent in July 2023, the lowest rate for the year. This slower increase in inflation was primarily influenced by lower increases for Restaurants & Hotels (5.0%); Food & Non-Alcoholic Beverages (4.4%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (1.9%). Malaysia's inflation remained unchanged at 2.0 per cent in August 2023. Meanwhile, Malaysia's Producer Price Index (PPI) declined by negative 2.3 per cent in July 2023 as against negative 4.8 per cent in June 2023. In August 2023, PPI decreased 1.8 per cent.

On the trade front, Malaysia's merchandise trade continued to register a negative annual growth. Total trade in July 2023 declined 14.4 per cent from RM252.8 billion in the same month last year to RM216.4 billion. Exports shrank 13.1 per cent to RM116.8 billion, while imports contracted 15.9 per cent to RM99.7 billion. Meanwhile, trade surplus increased 7.9 per cent from the previous year to RM17.1 billion. In August 2023, Malaysia's total trade registered a value of RM213.0 billion, with a contraction of 19.8 per cent or RM52.7 billion. Exports and imports recorded a negative double-digit growth, 18.6 per cent and 21.2 per cent respectively, year-on-year. On the contrary, trade surplus increased marginally by 0.1 per cent to post a value of RM17.3 billion.

Commenting on the current labour force situation, he said, "Labour market situation continued to increase in the number of employed persons, reflecting a 0.2 per cent growth in July 2023. Alongside, there were an additional 27.2 thousand persons being employed with a total of 16.34 million persons (June 2023: 16.31 million). Compared to the same month of the preceding year, the number of employed persons grew by 2.2 per cent, equivalent to 356.6 thousand persons (July 2022: 15.98 million). The employment-to-population ratio serves as an indicator of the economy's capability to generate employment. In July 2023, this ratio recorded an improvement of 0.1 per cent from 67.6 per cent in June 2023 to 67.7 per cent. In comparison to the corresponding month in the previous year, this ratio rose by 0.7 percentage points from the 67.0 per cent recorded in July 2022. On an annual basis, the number of unemployed persons decreased by 6.7 per cent or 41.5 thousand persons in July 2023. Likewise, the unemployment rate during this month fell by 0.3 percentage points to stand at 3.4 per cent."

In concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Leading Index (LI) for July 2023 recorded a better negative 0.9 per cent reaching 109.0 points as compared to negative 2.1 per cent in June 2023. In view of monthly performance, the LI recorded negative 0.7 per cent for the reference month as against a negative

0.5 per cent in the previous month. The smoothed growth rate of the LI continues below the 100.0 points trend in July 2023, reflecting Malaysia's economic prospect to remain moderate in the near term backed by challenging global outlook.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
27th SEPTEMBER 2023